

04 APR 1997

Mahathir-Kelantan

KERAJAAN PUSAT TIADA MASALAH BEKERJASAMA DENGAN PAS

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Kerajaan pusat tiada masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan PAS di Kelantan dalam usaha membangun ekonomi negeri ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kerajaan pusat sentiasa bersikap pragmatik dalam hal ini dan boleh mengubah pendekatannya mengikut keadaan semasa, katanya pada persidangan berita di sini pada akhir lawatan seharinya ke Kelantan.

Sambil mengakui lawatannya kali ini diadakan dalam suasana yang lebih mesra, Dr Mahathir berkata bagaimanapun ini tidak bermakna kerajaan pusat memberi satu "blank cheque" kepada kerajaan PAS.

"Jika orang mahu berkawan dengan kita, kita berkawan, kalau mau bermusuhan, kita boleh bermusuhan dan kalau orang mahu tembak, kita pun boleh tembak," katanya.

Dalam lawatan kali ini, Dr Mahathir buat kali pertamanya diiringi oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sepanjang aturcara ketatnya di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat akan menyokong usaha pembangunan yang baik untuk negeri dan rakyat Kelantan.

Apabila diminta pandangannya mengenai sesetengah pelabur yang dikatakan bimbang untuk datang ke Kelantan kerana dikhuatiri akan disenarai-hitamkan oleh sebab ia ditadbir oleh bukan parti Barisan Nasional, beliau berkata:

"Tidak perlu disenarai-hitamkan. Terpulang kepada pelabur.

"Apa yang kita mahu, jika mereka (pelabur) sokong Barisan Nasional, nyatakanlah sokongan dan janganlah lakukan sesuatu yang boleh merugikan parti sendiri," kata Dr Mahathir yang sebelum persidangan berita itu telah mengadakan pertemuan tertutup selama 90 minit dengan lebih 100 pemimpin korporat yang berasal dari Kelantan dan pegawai kanan kerajaan persekutuan.

Ketika menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata lawatannya ke Kelantan boleh ditafsirkan sebagai menaikkan moral kerajaan PAS tetapi sebaliknya kerajaan PAS memberi pangakuan tentang pentingnya peranan kerajaan pusat dalam membangunkan ekonomi negeri ini.

"Ini menjadi satuimbangan di antara kerajaan negeri dan pusat. Hubungan kerajaan negeri dan pusat bukan untuk sesiapa meraih markah," katanya.

Ditanya sama ada ini bermakna Umno tiada pilihan kecuali bekerjasama dengan PAS kerana Umno yang memimpin kerajaan pusat tidak mungkin akan menawan Kelantan dalam pilihanraya, Dr Mahathir menjawab:

"Keadaan sebaliknya juga benar. PAS tidak dapat mencapai kemajuan tanpa Umno. Sebab itu saya kata, tiada keuntungan daripada segi politik kepada mana-mana pihak."

Perdana Menteri juga berkata tidak dapat dinafikan bahawa di Malaysia perlu ada pembangkang supaya dapat menentukan bahawa kerajaan tidak menyeleweng.

"Tetapi dalam pada itu, kita berpendapat bahawa janganlah sehingga ada orang yang membuat tuduhan yang tidak berasas seperti orang Umno tidak Islam. Itu lebih daripada membangkang...kita boleh membangkang daripada segi sistem pentadbiran yang lebih baik atau siapa yang lebih baik membangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata tempo pembangunan di Kelantan yang dianggap ketinggalan bukanlah kerana soal kepimpinan semata-mata tetapi terpulanglah kepada orang Kelantan sama ada mahu mempercepatkan pembangunan atau sebaliknya.

"Ini soal suasana dalam satu-satu masyarakat. Kalau suasana dalam masyarakat itu tidak mengizinkan kepemimpinan yang berkesan, maka kita tidak dapat mencapai kejayaan," kata beliau.

"Yang bertanggungjawab bukan sahaja pemimpin ... pemimpin yang pandai sekalipun tapi dalam suasana yang tidak mengizinkan dia mencapai kejayaan, dia tak akan capai kejayaan," katanya.

Perdana Menteri berkata kini nampak kerajaan Kelantan mahu mengadakan hubungan yang baik dengan kerajaan pusat dan kerajaan pusat tidak akan menolak hasrat itu.

Dr Mahathir menasihati rakyat Kelantan supaya memberi tumpuan kepada soal pembangunan untuk mengejar tempo pembangunan di negeri-negeri yang lebih maju dalam negara ini.

Semasa ditanya sama ada beliau melihat mengenai kemungkinan penyatuan PAS dengan Umno pada masa akan datang, beliau berkata: " Ia satu kemungkinan, dahulupun PAS menyertai Barisan Nasional. Tidak ada yang mustahil dalam politik.

"Kebanyakan anggota parti dalam Barisan Nasional hari ini adalah musuh kita dahulu. Parti-parti seperti Gerakan, PBDS ... sebaliknya yang menjadi kawan kita, kemudian keluar jadi lawan kita," katanya.

Ketika menjawab soalan mengapa perpaduan ummah tidak wujud di Malaysia sedangkan pada forum antarabangsa beliau kerap merayu negara-negara Islam supaya bersatu padu, Dr Mahathir berkata perpaduan ummah sebenarnya tidak wujud di mana-mana negara Islam.

" Perpaduan ummah tidak berlaku dalam mana-mana negara pun ... bukan sahaja di antara negara-negara tetapi dalam negara itu sendiri."

Beliau berkata banyak negara Islam pandai bercakap mengenai persaudaraan Islam, tetapi mereka tidak buat apa yang mereka cakap.

Selepas persidangan berita itu yang diadakan di kediaman Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun, Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengadap Sultan Kelantan di Istana Mahkota di sini hampir satu jam setengah sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, pihak media, termasuk jurugambar dan krew televisyen tidak dibenarkan masuk untuk membuat liputan.

-- BERNAMA

AU BD AHH